

Kertas Asli/Original Articles

Tinjauan Literatur Berkaitan Tahap Pengetahuan, Sikap dan Persepsi Orang Awam Terhadap Dasar Larangan Merokok oleh Kementerian Kesihatan Malaysia
(A Scoping Review on Knowledge, Attitude and Perception of the Public on Smoking Ban Policy by the Ministry of Health Malaysia)

JAMALUDIN BAKAR*, SYED ISMAIL SYED MOHAMAD, HAMIDAH YUSOF & IDA ZALIZA ZAINOL ABIDIN

ABSTRAK

Malaysia merupakan salah sebuah negara yang telah menandatangani WHO Framework Convention on Tobacco Control (FCTC). WHO FCTC adalah satu bentuk perjanjian berasaskan bukti yang menegaskan hak masyarakat untuk mendapat tahap kesihatan terbaik. Pelbagai dasar dan polisi telah diwujudkan oleh kerajaan selaras dengan kehendak WHO dalamewartakan larangan merokok di seluruh negara agar penguatkuasaan dapat dijalankan untuk membendung aktiviti merokok di tempat-tempat awam. Tujuan penulisan tinjauan literatur ini adalah untuk memberi gambaran sejauh mana tahap pengetahuan, sikap, dan persepsi orang awam terhadap perlaksanaan dasar dan polisi larangan merokok di Malaysia. Tinjauan literatur telah dijalankan dengan kata kunci carian seperti berikut: smoking AND policy AND Malaysia AND (knowledge OR attitude OR perception) bagi penerbitan dari tahun 2015-2021 melalui beberapa pangkalan data termasuk Medline (hasil carian 5 penerbitan), Web of Science (hasil carian 9 penerbitan) dan Scopus (hasil carian 19 penerbitan). Dua belas (12) artikel yang bersesuaian telah dipilih bagi menjawab objektif kajian. Kami dapati bahawa tahap pengetahuan, sikap dan persepsi orang awam terhadap dasar larangan merokok di Malaysia masih pada tahap kurang memberangsangkan. Oleh itu, hasil kajian tinjauan pelbagai faktor ini diharap dapat membudayakan tadbir urus dalam polisi dan dasar kerajaan agar lebih berkesan dan efisien.

Kata kunci: Tadbir urus kerajaan; polisi dan dasar; kerajaan; rokok; Malaysia

ABSTRACT

Malaysia is one of the countries that have signed the WHO Framework Convention on Tobacco Control (FCTC). The WHO FCTC is a form of evidence-based agreement that recognises the right of all people to attain the highest standard of health. Policies established by the government were in line with the WHO requirements to gazette the nationwide smoking ban so that enforcement measures can be taken to control smoking activities in public places. The purpose of this scoping review is to give an overview of the extent of knowledge, attitude, and the perception of the public on smoking ban policies implemented in Malaysia. The keyword search strategy was as follows: smoking AND policy AND Malaysia AND (knowledge OR attitude OR perception) for publications between the year 2015-2021, conducted through several databases including Medline (search results of 5 publications), Web of Science (search results of 9 publications) and Scopus (search results of 19 publications). A total of 12 articles were considered relevant to answer the research objectives. We found that the level of knowledge, attitude, and perception of the public towards the smoking ban policy in Malaysia was still defective and inadequate. Therefore, it is hoped that the results of this multifactorial relationship study could cultivate governance in administration and governmental policies to imbue competency and efficiency.

Keywords: Governance; policy and implementation; government; tobacco; Malaysia

PENGENALAN

Malaysia merupakan salah sebuah negara yang telah menandatangani WHO *Framework Convention on Tobacco Control* (FCTC) (WHO 2003). WHO FCTC adalah satu bentuk perjanjian persefahaman berasaskan bukti yang menegaskan hak masyarakat untuk mendapatkan tahap kesihatan yang terbaik. Contoh perkara yang diberi keutamaan berdasarkan Artikel 8 perjanjian berkenaan adalah (1) kesedaran tentang bukti saintifik bahawa pendedahan kepada asap tembakau boleh menyebabkan kematian, penyakit dan kecacatan; (2) keperluan sistem perundangan yang berkesan untuk melindungi orang ramai daripada pendedahan kepada asap tembakau, termasuk di kawasan tempat kerja tertutup, pengangkutan awam, tempat awam tertutup dan tempat awam yang lain. Pelbagai akta, program dan aktiviti telah dibangunkan di Malaysia bagi mencapai objektif yang disasarkan oleh Artikel 8 yang akan diuraikan lebih lanjut dalam ruangan seterusnya.

Produk tembakau bertanggungjawab menyebabkan lebih daripada 8 juta kematian setiap tahun (WHO 2020). Sehingga hari ini, lebih daripada 25 jenis penyakit yang berkaitan dengan tembakau telah pun diketahui, termasuk kanser paru-paru, bibir, mulut dan farinks, esofagus, pankreas, larinks, trakea dan bronkus, pundi kencing, buah pinggang dan organ urinari yang lain; penyakit kardiovaskular seperti tekanan darah tinggi, penyakit jantung iskemik, penyakit jantung pulmonari, penyakit vascular serebro; dan penyakit saluran pernafasan seperti tuberkulosis, pneumonia, influenza, bronkitis, lelah dan sekatan saluran pernafasan yang kronik (Sherratt et al. 2017).

Rokok bukan sahaja mendatangkan risiko kesihatan kepada perokok sendiri, malah juga mendatangkan risiko kepada individu yang berada berdekatan dengan perokok (Assari & Bazargan 2019). Golongan ini dikenali sebagai perokok pasif yang mana individu ini menyedut asap aliran sisi dan asap aliran utama yang dihembus keluar. Asap aliran sisi adalah asap yang keluar daripada bahagian rokok yang dinyalakan, tidak melalui penapis dan terhasil daripada proses pembakaran yang tidak sempurna dan mengandungi bahan kimia beracun yang konsentrasinya lebih tinggi berbanding asap aliran utama yang dihisap oleh perokok (West 2017).

Krosnick et al. (2017) mencadangkan bahawa risiko kesihatan daripada tabiat merokok bergantung kepada setiap individu, mengikut peringkat umur, bilangan batang rokok yang dihisap sehari dan juga kandungan rokok dan jenis rokok yang diambil. Tambahan pula, Omar dan Pandian (2005) telah menganalisis ramuan bahaya yang terkandung dalam kandungan rokok, antaranya adalah nikotin, tar dan lebih 4,000 bahan kimia, 43 bahan

karsinogenik, pelbagai bahan iritan, pelbagai partikel yang merosakkan paru-paru dengan pelbagai bahan perisa dan pengawet.

Oleh yang demikian, kerajaan Malaysia telah menggalakkan pelaksanaan kajian berkaitan dengan aktiviti dan tabiat merokok bagi menentukan prevalens merokok semasa, faktor-faktor penyumbang kepada tabiat merokok dan kesan merokok kepada perokok itu sendiri (Lim et al. 2018a). Kerajaan Malaysia sentiasa berusaha untuk menyahut seruan *Global Health Assembly* yang menyasarkan penurunan sebanyak 30% penggunaan tembakau dalam kalangan orang dewasa menjelang 2025 (Nor et al. 2018). Antara pelan perancangan kerajaan dalam *National Strategic Plan for Tobacco Control 2015-2020* bagi membuka minda dan pemahaman perokok-perokok tegar di Malaysia ke arah kesihatan yang lebih baik termasuk sebaran maklumat melalui media massa, kempen kesihatan, klinik berhenti merokok dan sebagainya (Kementerian Kesihatan Malaysia, 2016). Pelbagai pembaharuan dasar termasuklah penguatkuasaan dasar larangan merokok di tempat makan telah dikuatkuasakan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) pada 2019. Namun yang demikian, secara umumnya, program-program ini masih kurang mendapat sokongan dan sambutan daripada golongan perokok itu sendiri.

Oleh itu, makalah ini adalah untuk mengetahui tahap pengetahuan, sikap dan persepsi masyarakat terhadap pelaksanaan dasar-dasar kerajaan berkaitan larangan merokok yang dilancarkan oleh KKM sehingga kini.

METODOLOGI

Fokus utama kajian ini adalah untuk membincangkan sudut epidemiologi, tahap pengetahuan, tingkah laku dan pandangan orang awam terhadap pelaksanaan dasar larangan merokok di Malaysia. Tinjauan literatur telah dilakukan dalam tiga pangkalan data utama bidang kesihatan dan kesihatan awam, termasuk *Medline*, *Web of Science* dan *Scopus*. Buku dan garis panduan berkenaan dasar kerajaan juga turut dicari secara manual untuk sebarang penerbitan berkaitan. Dasar larangan merokok merujuk kepada penguatkuasaan kawasan-kawasan dengan larangan merokok yang boleh disabitkan kesalahan sekiranya tidak dipatuhi.

Carian sastera telah dijalankan dengan meluas melalui pangkalan data tersuai khusus untuk mengindeks semua data asal yang berkaitan dengan perubatan dan kesihatan di Malaysia dari tahun 2015 hingga 2021. Sari kata perubatan yang digunakan dalam carian merupakan kata kunci *Medical Subject Heading* (MeSH), dengan penggunaan operator Boolean seperti berikut: *smoking*

AND policy AND Malaysia AND (knowledge OR attitude OR perception). Kesemua artikel yang telah diperolehi mengikut setiap carian pangkalan data kemudiannya diimport ke sistem pengurus rujukan *Mendeley desktop for Windows* versi 1.19.6 untuk tujuan semakan tajuk dan abstrak. Artikel yang sesuai dan bertepatan dengan objektif kajian diekstrak untuk bacaan penuh dan analisis lanjut mengikut tema isi kandungan.

KEPUTUSAN

Hasil carian telah menemukan sebanyak 33 artikel penerbitan (5 carian melalui Medline, 9 carian melalui Web of Science, 19 carian melalui Scopus). Terdapat 13 artikel pendua, menjadikan keseluruhan sebanyak 20 artikel daripada dapatan carian. Analisa melalui tajuk dan abstrak selanjutnya telah mengenalpasti 12 artikel yang bertepatan dan sesuai untuk menjawab objektif kajian dan diekstrak secara penuh untuk bacaan lanjut. Isi kandungan artikel-artikel yang diperolehi dianalisis selanjutnya mengikut tema yang berkaitan seperti berikut:

Tabiat merokok dan faktor penyumbang terhadap tabiat merokok dalam kalangan masyarakat Malaysia

Sebilangan besar perokok telah dikesan mula berjinak dengan tabiat ini sejak remaja dan purata umur mula merokok di Malaysia dikesan seawal 18.3 tahun (Fuad et al. 2014). Namun, trend yang membimbangkan dapat dilihat daripada dapatan terkini *National Health and Morbidity Survey 2019* yang menyatakan 21.3% populasi rakyat Malaysia merokok seawal 15 tahun (Institute for Public Health 2020). Tambahan pula, Mariapun, Hairi dan Ng (2019) juga menyaksikan peningkatan trend merokok dalam kalangan orang miskin di Malaysia. Tembakau menjadi penyebab tingginya angka kematian, angka penyakit dan biaya perawatan kesihatan. Mengikut statistik KKM, dianggarkan 20,000 rakyat Malaysia mati setiap tahun disebabkan penyakit yang berkaitan dengan tabiat merokok (Randhawa 2015).

Analisis 1,000 responden dewasa dari 10 kampung di Kota Samarahan dan Kuching menunjukkan bahawa 28.8% responden adalah perokok. Satu dapatan kajian lain iaitu *Malaysian Global Adult Tobacco Survey 2011* yang melibatkan 4,204 individu mendapati bahawa ciri sosio-demografi berkait rapat dengan corak penggunaan bukan perokok, perokok sekali-sekala dan perokok harian. Penduduk bandar, pegawai kerajaan dan orang Melayu menunjukkan kecenderungan yang lebih besar untuk menjadi perokok harian. Pendidikan adalah faktor pencegah merokok kerana pendidikan hingga ke peringkat universiti didapati meningkatkan kecenderungan menjadi

bukan perokok sebanyak 8.16 kali ganda (Tan & Yen 2017; Rahman et al. 2017). Namun, hasil kajian ini bercanggah dengan dapatan kajian terbaru daripada Abdulrahman et al. (2020) yang mengatakan bahawa 71% daripada 694 pengguna rokok elektronik di 13 negeri di Malaysia adalah golongan yang berpendidikan tinggi. Majoriti juga bekerja tetap (93.1%) dengan pendapatan isi rumah bulanan sebanyak MYR 4,000 ke bawah (56.6%).

Dasar dan polisi kerajaan berkenaan penyeludupan rokok dan larangan merokok

Dasar larangan merokok boleh dikaitkan dengan komitmen KKM yang mewakili Malaysia sebagai negara yang telah menandatangani resolusi yang ditetapkan oleh WHO *Framework Convention on Tobacco Control* (WHO FCTC) (WHO 2003). Di Malaysia, nikotin diklasifikasikan sebagai racun kelas C di bawah Peraturan Racun dan Peraturan Kawalan Dadah dan Kosmetik, oleh itu *nicotine vaping products* (NVP) dilarang penjualannya. Namun yang demikian, undang-undang ini masih tidak dikuatkuasakan secara penuh dan umumnya, NVP masih banyak dijual secara terbuka dalam pasaran (Gravelly et al. 2019).

Kerajaan Malaysia juga telah melaksanakan larangan merokok di premis-premis makanan pada tahun 2019 meskipun mendapat bantahan daripada golongan perokok tegar (Ismail 2019). Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. Dzulkefly Ahmad pada ketika itu menegaskan, larangan itu akan dikuatkuasakan dengan lebih baik lagi pada masa akan datang. Selain itu, Seksyen 135 (1)(d) (Akta Kastam 1967) berkenaan penyeludupan rokok memperuntukkan hukuman berat iaitu bagi kesalahan pertama, penalti denda tidak kurang daripada 10 kali ganda amaun duti kastam atau RM50,000 mengikut mana-mana amaun lebih besar dan tidak lebih 20 kali ganda amaun duti kastam atau RM500,000 mengikut mana-mana amaun lebih besar atau penjara tidak lebih lima tahun atau kedua-duanya. Bagi kesalahan kedua atau berulang, penalti denda tidak kurang 20 kali ganda amaun duti kastam atau RM100,000 mengikut mana-mana amaun lebih besar dan tidak lebih 40 kali ganda amaun duti kastam atau RM1 juta mengikut mana-mana amaun lebih besar atau penjara tidak lebih tujuh tahun atau kedua-duanya.

Tahap pengetahuan, sikap dan persepsi masyarakat terhadap dasar larangan merokok KKM

4,153 responden daripada Tinjauan Tembakau Dewasa Global (Global Adult Tobacco Survey, GATS) melalui pensampelan berstrata bertingkat telah mengenal pasti faktor umur, indeks kekayaan, pendidikan, etnik, lokasi

rumah, dan tingkah laku merokok dikaitkan dengan pengetahuan merokok. Secara khususnya, terdapat hubungan negatif antara pengetahuan merokok dan beberapa faktor lain seperti indeks kekayaan, taraf pendidikan, bangsa dan kawasan kediaman. Indeks kekayaan yang lebih tinggi, individu yang kurang berpendidikan, penduduk berbangsa Cina dan penduduk di luar bandar telah dikenalpasti sebagai faktor yang menyumbang kepada tahap pengetahuan merokok yang lebih rendah (Cheah et al. 2019).

Kempen larangan merokok lazimnya mendapat sokongan individu yang tidak merokok (Nor et al. 2018). Kajian keratan rentas yang dilakukan dalam kalangan 286 orang yang tidak merokok menunjukkan 83.2% individu menyokong sepenuhnya kemudahan bebas tembakau, kebanyakannya wanita, mempunyai tahap pendidikan tinggi dan menganggap dasar bebas tembakau sebagai sangat penting (Yasin et al. 2016). Hasil kajian yang sama oleh Hock et al. (2019) mendapati bahawa tahap sokongan untuk pelaksanaan dasar bebas asap rokok di kawasan awam mencapai sehingga 94.4%. Selain itu, Lim et al. (2018b) mendapati bahawa mereka yang di tempat kerjanya mempunyai larangan merokok lebih cenderung untuk melaporkan pendedahan terhadap asap rokok di tempat kerja ke peringkat atasan, berbanding dengan rakan mereka yang tempat kerjanya tidak mempunyai larangan merokok.

Meskipun pelbagai inisiatif telah dijalankan kerajaan bagi mengawal tabiat merokok, masih ramai lagi individu dalam kalangan perokok yang tidak mengendahkan larangan dan beranggapan perbuatan mereka merokok di tempat larangan merokok adalah tidak salah meskipun perihal penguatkuasaan larangan merokok telah hebat dipromosi dan diwar-warkan dalam media massa tempatan. Sebanyak 205 notis telah dikeluarkan pada awal tahun 2020 kepada beberapa individu supaya hadir ke mahkamah berikutan penguatkuasaan Seksyen 32B Peraturan-Peraturan Kawalan Hasil Tembakau 2004 kerana kesalahan merokok di tempat awam (Ahmad Rodzi 2020). Selain itu, tinjauan yang melibatkan seramai 600 responden di restoran dan kedai-kedai makan di sekitar Lembah Klang berikutan penguatkuasaan larangan merokok di restoran, kedai makan dan gerai makanan yang telah dikuatkuasakan pada 2019 juga telah menemukan 73.8% perokok bersetuju bahawa larangan merokok di restoran telah mengurangkan kekerapan merokok harian mereka, dan 58.3% perokok bersetuju bahawa larangan merokok di restoran dan tempat awam di seluruh negara membantu mereka untuk berhenti merokok secara total (Ahmed, Mathialagan dan Hasan 2020).

PERBINCANGAN

Berdasarkan isu-isu yang dinyatakan seperti di atas, jelas bahawa setiap individu yang merokok sudah tahu dan sedia maklum mengenai kempen-kempen yang dilaksanakan oleh kerajaan bagi membantu mereka, tetapi tahap penerimaan mereka terhadap kempen tersebut masih kurang memberangsangkan. Kegagalan utama program larangan merokok tersebut adalah disebabkan kurangnya penerimaan peserta terhadap intipati program dan sikap perokok itu sendiri yang gagal untuk menghormati dasar kerajaan.

Sistem penjagaan kesihatan di Malaysia telah diiktiraf sebagai salah satu sistem kesihatan yang berjaya di dunia (Loganathan et al. 2019). Bermula dari awal kemerdekaan, kerajaan telah membangunkan dengan pesat sistem penjagaan kesihatan yang berteraskan perkhidmatan pencegahan dan kawalan penyakit serta perkhidmatan kuratif. Ini telah berjaya mengurangkan mortaliti dan morbiditi akibat penyakit berjangkit dan tidak berjangkit, serta kadar kematian ibu dan anak (Tumin et al. 2016). Objektif KKM adalah untuk membantu masyarakat mencapai dan mengekalkan satu taraf kesihatan yang baik bagi membolehkan perjalanan kehidupan ekonomi dan sosial yang produktif. Ini boleh dicapai dengan menyediakan perkhidmatan bercorak penggalakan, pencegahan, rawatan dan pemulihan yang cekap, sesuai dan berkesan dengan memberi penekanan kepada golongan-golongan yang kurang bernasib baik (Loganathan et al. 2019). Dalam usaha kerajaan untuk mencapai status negara membangun berpendapatan tinggi, program dan aktiviti perkhidmatan awam perlu diteliti semula supaya tumpuan dan keutamaan diberikan kepada aktiviti yang mampu memastikan kelestarian sistem penyampaian pada kos yang berpatutan. Namun, keberkesanan program-program ini juga bergantung kepada penerimaan golongan sasaran.

Dalam hal ini, faktor pengaruh kognitif atau sikap masyarakat itu sendiri yang akan mempengaruhi penerimaan mereka terhadap program dan inisiatif kerajaan dalam membentuk sebuah negara yang sihat. Menurut perspektif Islam, manusia telah dijadikan oleh penciptanya dengan mempunyai pelbagai pilihan dan kehendak tersendiri untuk menentukan baik dan buruk. Selain daripada peranan diri, pembentukan keperibadian seseorang turut dipengaruhi oleh pelbagai pengaruh yang wujud dalam persekitaran kehidupan manusia seperti mana yang dijelaskan dalam al-Quran ayat ke 8 hingga ke 10 Surah al-Shams yang bermaksud:

Maka Dia mengilhamkan kepadanya (jalan) kejahatan dan ketakwaannya, sungguh beruntung orang yang menyucikannya (jiwa itu), dan sungguh rugi orang yang mengotorinya (Surah Al-Shams: 8-10).

Oleh yang demikian, adalah penting untuk mewujudkan persekitaran yang sesuai untuk membimbing masyarakat ke arah penjagaan kesihatan yang lebih baik. Perluasan larangan merokok sepenuhnya ke tempat kerja, restoran, bar, hotel, kasino dan pusat karaoke sangat disyorkan untuk mengurangkan pendedahan kepada asap rokok dan untuk mengubah tingkah laku dan tabiat perokok itu sendiri (Hock et al. 2019). Selain itu, faktor sosiodemografi juga telah dikenal pasti memainkan peranan penting dalam menentukan tahap pengetahuan berkaitan rokok dan kesan tabiat merokok (Cheah et al. 2019). Oleh itu, sebagai langkah intervensi yang bertujuan untuk meningkatkan pengetahuan tentang merokok dalam kalangan penduduk Malaysia, dasar yang berkesan harus memberi perhatian khusus kepada individu yang cenderung untuk mendapat maklumat yang tidak tepat mengenai rokok.

Amalan merokok tidak mendatangkan faedah bahkan mengundang masalah kesihatan yang boleh mengancam nyawa, masalah sosial dalam keluarga, masyarakat dan negara. Malahan perbelanjaan membeli rokok boleh dianggap sebagai pembaziran wang kerana bukan sahaja tabiat tersebut tidak bermanfaat, malahan kerajaan membelanjakan kos yang besar untuk menanggung kos perubatan yang disebabkan oleh kesan rokok.

KESIMPULAN

Penekanan kepada aspek promosi dan pencegahan kesihatan sering diutamakan, namun sambutan yang diberikan oleh rakyat untuk mengamalkan gaya hidup sihat masih di tahap yang rendah. Kekangan sumber dari pihak KKM sendiri menghadkan aktiviti promosi kesihatan dan pencegahan penyakit. Oleh yang demikian, polisi kerajaan Malaysia dalam dasar larangan merokok akan menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara yang bebas daripada sebarang bentuk amalan merokok. Inisiatif larangan merokok di tempat-tempat awam adalah permulaan yang positif sekiranya dapat dilaksanakan dengan berkesan. Dasar kerajaan ini akan dipandang sebagai elemen dasar untuk menyokong perubahan tingkah laku yang memihak kepada gaya hidup sihat. Larangan merokok tersebut seharusnya bersamaan dengan usaha untuk membantu perokok berhenti bagi mendapatkan taraf kesihatan dan persekitaran yang lebih bersih untuk Malaysia tercinta.

PENGHARGAAN

Barisan pengarang ingin mengucapkan terima kasih kepada Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia atas kebenaran menerbitkan artikel ini. Kami juga ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan buat Dr. Karniza binti Khalid dari Pusat Penyelidikan Klinikal, Hospital Tuanku Fauziah, Perlis di atas bantuan teknikal dalam penulisan manuskrip. Kajian ini telah didaftarkan di National Medical Research Register (NMRR), Kementerian Kesihatan Malaysia (NMRR-21-120-58384).

KONFLIK KEPENTINGAN

Tiada

RUJUKAN

- Abdulrahman, S.A., Ganasegeran, K., Loon, C.W. & Rashid, A. 2020. An online survey of Malaysian long-term e-cigarette user perceptions. *Tobacco Induced diseases* 18(26):1-11.
- Ahmad Rodzi, T.H. 2020. 342 notis dikeluarkan berkaitan larangan merokok. *BH Online*, 10 Januari. <https://origin.bharian.com.my/berita/wilayah/2020/01/645567/342-notis-dikeluarkan-berkaitan-larangan-merokok> [2 Januari 2021]
- Ahmed, J., Mathialagan, A. G. & Hasan, N. 2020. Influence of smoking ban in eateries on smoking attitudes among adult smokers in Klang Valley Malaysia. *Malaysian Journal of Public Health Medicine* 20(1), 1-8.
- Akta Kastam 1967 (Malaysia) (Akta 135(1)(d))
- Assari, S. & Bazargan, M. 2019. Unequal effects of educational attainment on workplace exposure to second-hand smoke by race and ethnicity; minorities' diminished returns in the National Health Interview Survey (NHIS). *Journal of Medical Research and Innovation* 3(2):1-10.
- Cheah, Y.K., Teh, C.H. dan Lim, H.K. 2019. Sociodemographic differences in smoking knowledge in Malaysia. *Journal of Drug Issues* 49(2):355-368.
- Fuad, M. D. F., Fairuz, A., Balsam, M. N. A., Ghassan, N. dan Ibraheem, A.A. 2014. Smoking among Malay upper secondary school students in Shah Alam, Selangor, Malaysia. *International Journal of Collaborative Research on Internal Medicine & Public Health* 6(1): 23.

- Gravelly, S., Driezen, P., Ouimet, J., Quah, A.C., Cummings, K.M., Thompson, M.E., Boudreau, C., Hammond, D., McNeill, A., Borland, R. dan Thrasher, J.F. 2019. Prevalence of awareness, ever-use and current use of nicotine vaping products (NVPs) among adult current smokers and ex-smokers in 14 countries with differing regulations on sales and marketing of NVPs: cross-sectional findings from the ITC Project. *Addiction* 114(6): 1060-1073.
- Hock, L.K., Li, L.H., Huey, T.C., Yuvanewary, V., Sayan, P., Yusoff, M.F.M., Kuay, L.K., Yn, L.M., Chee, C.K. and Mohd, G.S. 2019. Support for smoke-free policy among Malaysian adults: findings from a population-based study. *BMJ open* 9(2): e020304.
- Institute for Public Health. 2020. National Health and Morbidity Survey (NHMS) 2019: Non-communicable diseases, healthcare demand, and health literacy—Key Findings. Kementerian Kesihatan Malaysia.
- Ismail, I.S. 2019. Kerajaan tidak akan berganjak laksanakan larangan merokok. *BH Online*, 9 Januari. <https://origin.bharian.com.my/berita/nasional/2019/01/517948/kerajaan-tidak-akan-berganjak-laksana-larangan-merokok> [5 Januari 2021]
- Kementerian Kesihatan Malaysia. 2016. National Strategic Plan for Non-communicable Disease 2016-2025. Kementerian Kesihatan Malaysia, Putrajaya.
- Krosnick, J.A., Malhotra, N., Mo, C.H., Bruera, E.F., Chang, L., Pasek, J. and Thomas, R.K., 2017. Perceptions of health risks of cigarette smoking: A new measure reveals widespread misunderstanding. *PloS one* 12(8): e0182063.
- Lim, K.H., Teh, C.H., Pan, S., Ling, M.Y., Yusoff, M.F., Ghazali, S.M., Kee, C.C., Lim, K.K., Chong, K.H. and Lim, H.L. 2018a. Prevalence and factors associated with smoking among adults in Malaysia: Findings from the National Health and Morbidity Survey (NHMS) 2015. *Tobacco induced diseases* 16: 1-12.
- Lim, K.H., Lim, H.L., Teh, C.H., Kee, C.C., Heng, P.P., Cheah, Y.K. and Ghazali, S.M. 2018b. Secondhand smoke (SHS) exposure at home and at the workplace among non-smokers in Malaysia: Findings from the Global Adult Tobacco Survey 2011. *Tobacco induced diseases* 16: 1-11.
- Loganathan, T., Rui, D., Ng, C.W. dan Pocock, N.S. 2019. Breaking down the barriers: Understanding migrant workers' access to healthcare in Malaysia. *PloS one* 14(7): e0218669.
- Mariapun, J., Hairi, N.N., dan Ng, C.W. 2019. Socioeconomic Differences in Smoking and Cessation Across a Period of Rapid Economic Growth in an Upper-Middle-Income Country. *Nicotine & Tobacco Research* 21(11): 1539–1546.
- Nor, N.A.M., Ismail, N., Ibrahim, F., Razak, I.A. and Ab-Murat, N. 2018. Tobacco use and attitudes towards tobacco control activities of Malaysian dental students. *Archives of Orofacial Science* 13(1): 6-15.
- Nor, N.M., Ross, H., Thinng, W.B.K., Ghani, J.A., Hassan, N. and Baharom, N. 2018. Malaysia Abridged simsmoke model-towards achieving 2025 and 2045 smoking prevalence targets. *Malays J Med Health Sci* 14: 8-15.
- Omar, R. and Pandian, S. 2005. Malaysia Isu-Isu Sosial Semasa. *Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia*.
- Rahman, M.M., Arif, M.T., Suhaili, M.R.B., Abd Razak, M.F., Akoi, C. and Azihan, N.Z. 2017. Knowledge, attitude, pictorial health warnings and quitting attempt to smoking in Sarawak, Malaysia. *Bangladesh Journal of Medical Science* 16(2): 266-273.
- Randhawa, S.S. 2015. '20,000 die yearly due to smoking'. *The Star Online*, 24 April 2015.
- Sherratt, F.C., Field, J.K. dan Marcus, M.W. 2017. Association between smoking and health outcomes in an economically deprived population: the Liverpool Lung Project. *J Epidemiol Community Health* 71(8): 806-810.
- Tan, A.K. & Yen, S.T. 2017. Cigarette consumption by individuals in Malaysia: a zero-inflated ordered probability approach. *Journal of Public Health* 25(1): 87-94.
- Tumin, M., Kana, G. dan Ahmad Zaki, A. 2016. Financing and provision of primary health care in Malaysia. *Journal of Administrative Science* 13(1): 1-15
- West, R. 2017. Tobacco smoking: Health impact, prevalence, correlates and interventions. *Psychology & Health* 32(8): 1018-1036.
- WHO. 2003. *WHO Framework Convention on Tobacco Control*. https://www.who.int/fctc/text_download/en/ [20 November 2021]
- WHO. 2020. *Tobacco*. <https://www.who.int/news-room/fact-sheets/detail/tobacco> [5 Januari 2021]
- Yasin, S.M., Isa, M.R., Fadzil, M.A., Zamhuri, M.I., Selamat, M.I., Ruzlin, A.N.M., Ibrahim, N.S.N., Ismail, Z. & Majeed, A.B.A. 2016. Support for a campus tobacco-free policy among non-smokers: Findings from a developing Country. *Asian Pacific Journal of Cancer Prevention* 17(1): 275-280.

Jamaludin Bakar
Jabatan Kecemasan dan Trauma
Hospital Tuanku Fauziah, Perlis
Kementerian Kesihatan Malaysia.

Universiti Pendidikan Sultan Idris,
35900 Tanjung Malim, Perak, Malaysia.

Ida Zaliza Zainol Abidin
Jabatan Kecemasan dan Trauma
Hospital Tuanku Fauziah, Perlis
Kementerian Kesihatan Malaysia.

Syed Ismail Syed Mohamad
Hamidah Yusof
Universiti Pendidikan Sultan Idris
Tanjung Malim, Perak, Malaysia.

Pengarang koresponden: Jamaludin Bakar
Emel: jamaludin.bakar@moh.gov.my